# SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
# JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

# PERATURAN PEMARKAHAN
# PERCUBAAN SPM 2011
# TASAWWUR ISLAM KERTAS 1 DAN 2

**AMARAN**

Pemarkahan ini sulit dan Hak Cipta JPN Perak. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Tokburong.wordpress

Skema Jawapan Kertas 1

| NO SOALAN | JAWAPAN | NO SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|---|
| 1 | B | 11 | B |
| 2 | B | 12 | D |
| 3 | C | 13 | D |
| 4 | D | 14 | A |
| 5 | D | 15 | A |
| 6 | C | 16 | C |
| 7 | A | 17 | A |
| 8 | D | 18 | A |
| 9 | B | 19 | C |
| 10 | B | 20 | A |
| 21 | Thabat | 31 | Betul |
| 22 | Sekularisme | 32 | Salah |
| 23 | Al-Ijarah | 33 | X |
| 24 | Qisas | 34 | Y |
| 25 | Dhaif | 35 | X |
| 26 | Mukjizat | 36 | Y |
| 27 | Zakat | 37 | Majlis Syura/Badan Kehakiman |
| 28 | Terencat akal/safih | 38 | Badan Kehakiman/Majlis Syura |
| 29 | Betul | 39 | Memelihara Keturunan/Memelihara Nyawa |
| 30 | Salah | 40 | Memelihara Nyawa/Memelihara Keturunan |

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

Tokburong.wordpress.com 

## Skema Pemarkahan Kertas 2

<table>
<tr><th>No Soalan</th><th>Skema Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1 (a) (i)</td><td>Maksud wahyu<br>• Ilham / perintah/ kalam Allah SWT yang diturunkan kepada para nabi dan rasul (1m) melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung daripada Allah SWT (1m)</td><td>1 isi x 2m<br>[2 markah]</td></tr>
<tr><td>1 (a) (ii)</td><td>Dua ciri wahyu<br>• Wahyu datang daripada Allah SWT, bukannya berita atau arahan yang disampaikan oleh seseorang.<br>• Wahyu turun kepada para nabi dan rasul sahaja bukan orang awam<br>• Wahyu disampaikan sama ada melalui mimpi yang benar, disebalik tabir atau melalui perantaraan Jibril.<br>• Kandungannya merupakan ajaran yang benar dan sesuai diamalkan sepanjang zaman.<br>• Wahyu terpelihara kandungan dan kesuciannya sehingga hari kiamat<br>• Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW<br>• Wahyu kebenarannya adalah mutlak.</td><td>2 isi x 2m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>1 (b) (i)</td><td>Dua perbezaan antara hadis Sahih dengan hadis Dhaif.
<table>
<tr><th>Hadis sahih</th><th>Hadis Dhaif</th></tr>
<tr><td>Periwayatnya bersambung terus dengan Rasulullah SAW</td><td>Gugur seorang atau beberapa orang periwayat dalam hadis tersebut</td></tr>
<tr><td>Periwayatnya seorang yang memenuhi syarat-syarat periwayat hadis seperti adil, dhabit dan siqah.</td><td>Periwayatnya tidak menepati syarat periwayat hadis seperti pendusta, pelupa dan sebagainya.</td></tr>
<tr><td>Boleh dijadikan hujah dalam sesuatu hukum.</td><td>Tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengeluarkan hukum.</td></tr>
<tr><td>Mengingkari hukum hadis sahih adalah berdosa</td><td>Mengingkari hadis dhaif tidak berdosa</td></tr>
</table>
Catatan : Tiada 1m (mesti ada perbezaan)</td><td>2 isi x 2m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>1 (b) (ii)</td><td>Dua cadangan supaya hadis sentiasa dihayati oleh umat Islam.<br>• Menterjemahkan kitab-kitab hadis ke bahasa Melayu (1m) supaya dapat difahami (1m)<br>• Menubuhkan Darul Hadis / pusat pengajian (1m) untuk memberi kefahaman kepada masyarakat (1m)<br>• Hadis dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah (1m) supaya dapat dimalkan ajarannya (1m)<br>• Mengenakan tindakan yang tegas kepada golongan antihadis (1m) supaya kemuliaan hadis terpelihara (1m)</td><td>2 isi x 2m<br>[4 markah]</td></tr>
<tr><td>1 (c) (i)</td><td>Maksud alam musyahadah ialah alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia.</td><td>2 isi x 1m<br>[2 markah]</td></tr>
</table>

| No Soalan | Skema Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1 (c) (ii) | **Dua** hikmah Allah mewujudkan alam ghaib.<br>• Menunjukkan kekuasaan Allah SWT yang menjadikan seluruh alam.<br>• Menguji keimanan hamba-hambaNya.<br>• Dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan manusia.<br>• Menilai sejauh mana ketaatan hamba-hambaNya.<br>• Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan. | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| 2 (a) (i) | Pengertian *'Alamiyyah* ialah sarwajagat iaitu Islam ádalah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.<br>Catatan : tiada 1m | 1 isi x 2m<br>[2 markah] |
| (ii) | **Dua** prinsip *'Alamiyyah*<br>• Manusia adalah sebaik-baik kejadian Allah<br>• Nilai keadilan Islam bersifat sejagat<br>• Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran<br>• Islam menjamin hak asasi manusia<br>Catatan : tiada 1m | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (iii) | **Dua** bukti yang menunjukkan Islam bersifat *'Alamiyyah* dalam bidang perundangan<br>• Pandangan Islam dapat diterima dan diamalkan oleh seluruh manusia.<br>• Islam mementingkan perdamaian dan keadilan sejagat.<br>• Keadilan Islam menyeluruh dan tidak terhad kepada umat Islam sahaja.<br>• Membela kebenaran dan menentang kebatilan.<br>• Hak perlindungan nyawa dan kehormatan. | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (b) (i) | **Tiga** contoh ajaran Islam yang bersifat Thabat<br>• Akidah iaitu kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah SWT.<br>• Ibadat khusus seperti solat fardhu, puasa, haji dan zakat telah ditetapkan cara pelaksanaanya oleh Islam.<br>• Syariah Islam telah menetapkan pelbagai hukum demi kesejahteraan hidup manusia. | 3 isi x 2m<br>[6 markah] |
| (ii) | **Dua** perkaitan antara Thabat dengan Murunah<br>• Islam bersifat tetap dalam aspek asas dan prinsipnya tetapi bersifat luwes atau anjal dalam perkara cabang dan pelaksanaannya.<br>• Allah Maha Mengetahui kekuatan kelemahan manusia, justeru itu Dia tidak menetapkan sesuatu yang tidak mampu dilaksanakan oleh hambaNya.<br>• Setiap perkara dan urusan dalam dunia ini telah ditetapkan asasnya oleh Islam tetapi terpulanglah kepada manusia untuk melaksanakan tindakannya. | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

Tokburong.wordpress.com 

| No Soalan | Skema Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 3 (a) (i) | **Dua** matlamat kehakiman dalam Islam<br>• Menegakkan keadilan/ kepada semua pihak (1m) tanpa mengira keluarga, bangsa, pangkat, keturunan dan lain-lain (1m)<br>• Menentang kezaliman (1m) kerana ia boleh merosakkan diri seseorang/kerana ia menginaya orang lain/supaya masyarakat hidup harmoni atau aman damai.(1m)<br>• Membela orang yang dizalimi (1m) kerana mereka bersifat lemah/ kerana mereka diinaya oleh orang lain/untuk member keadilan semua pihak. (1m) | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (ii) | Empat sumber utama dalam perundangan Islam.<br>• Al-Quran<br>• As-Sunnah<br>• Ijmak ulamak<br>• Qias | 4 isi x 1m<br>[4 markah] |
| 3 (b) (i) | **Dua** ciri sistem sosial Islam ialah<br>• Perhubungan sesama manusia atau alam (1m) adalah berdasarkan iman dan taqwa kepada Allah SWT. (1m)<br>• Pergaulan antara sesama muslim atau bukan muslim (1m) hendaklah berlandaskan hukum syarak (1m).<br>• Mengamalkan akhlak mulia (1m) dalam pergaulan / di mana juga berada (1m)<br>• Mengutamakan kepentingan umum /daripada kepentingan diri (1m) supaya masyarakat hidup harmoni (1m) | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (ii) | **Dua** tanggungjawab anda dalam keluarga<br>• Memberikan kasih sayang dan perhatian kepada setiap ahli keluarga.<br>• Mengamalkan akhlak mulia dan tingkah laku yang sopan dalam pergaulan sesama ahli keluarga.<br>• Memastikan pendidikan yang sempurna dikuasai terutamanya ilmu fardu ain .<br><br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (c) | **Dua** program yang sesuai dilaksanakan untuk mencegah perbuatan mungkar dalam kalangan pelajar<br>• Kempen kesedaran benci jenayah/ kemungkaran (1m) supaya kemungkaran/ maksiat/jenayah berkurangan. (1m)<br>• Menampal poster/iklan (1m) yang menjelaskan keburukan melakukan perkara mungkar. (1m)<br>• Mengadakan peraduan mengarang / yang bertemakan benci kemungkaram/ maksiat/jenayah/vandalisme. (1m) untuk menimbulkan kesedaran (1m)<br>• Memberi tazkirah/nasihat harian/mingguan di perhimpunan (1m) agar pelajar sentiasa diperingatkan keburukan/kesan melakukan perkara mungkar. (1m)<br>• Penguatkuasaan undang-undang/ iaitu mendenda pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan (1m) supaya menyedarkan pelajar lain. (1m)<br><br>( Mana-mana program/aktiviti munasabah diterima). | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| 4 (a) (i) | Pengertian pekerjaan dalam Islam ialah sesuatu kegiatan yang dilakukan untuk mendapatkan sumber pendapatan berbentuk wang atau harta yang halal.<br><br>Contoh: Berniaga, bertani, nelayan, guru (pendidik), polis dan lain-lain. | 1 isi x 2m<br>2isi x 1m<br>[4 markah] |

| No Soalan | Skema Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | **Dua** matlamat bekerja menurut perspektif Islam ialah:-<br>• Mencari rezeki yang halal (1m) untuk menyara keluarga (1m)<br>• *Membangun dan memajukan ekonomi diri /masyarakat / negara (1m)* agar kehidupan menjadi selesa (1m)<br>• Mengelak dari bergantung kepada orang lain/ berdikari (1m) supaya tidak dipandang hina (1m)<br>• Mendapat keredhaan Allah (1m) melalui pekerjaan yang halal (1m) | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| *(iii)* | *Syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadah ialah:-*<br>• Pekerjaan yang halal dan dibenarkan oleh syarak<br>• Pekerjaan yang tidak melalaikan daripada melakukan ibadah kepada Allah<br>• Pekerjaan yang tidak mengganggu kepentingan awam dan alam sekitar.<br>• Pekerjaan yang memberi manfaat kepada orang ramai.<br><br>Catatan : tiada 1 markah | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| (b) ( i) | Dua keistimewaan muamalah Islam ialah<br>• Menjadikan harta sebagai alat mendekatkan diri kepada Allah SWT.<br>• Menggalakkan manusia melakukan kebajikan<br>• Mengelakkan pembaziran<br>• Tidak menjejaskan kepentingan ramai | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| (ii) | Empat etika muamalah Islam ialah<br>• Rajin/tekun berusaha dengan bersungguh-sungguh<br>• Bersikap amanah<br>• Bekerja untuk mendapatkan keredaan Allah SWT<br>• Bertoleransi<br>• Tidak menjejaskan kepentingan umum<br>• Bekerja untuk membantu orang lain.<br>• Sentiasa berdisiplin semasa bekerja. | 4 isi x 1m<br><br>[4 markah] |
| *5 (a) (i)* | *Ijtihad ialah pendapat ulama mujtahid* terhadap sesuatu perkara baru yang tidak terdapat hukumnya dalam al-Quran dan al-Hadis.<br>Contoh: Khalifah Saidina Abu Bakar berijtihad bahawa orang Islam yang enggan berzakat hendaklah diperangi. | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| (ii) | Manusia perlu kepada ijtihad kerana<br>• *Mengelakkan pertikaian dalam menyelesaikan masalah*<br>• Menyelesaikan setiap masalah yang timbul dengan sempurna<br>• Menggalakkan para ulama berfikir untuk mencari hukum yang baru<br>• Menambahkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.<br>• Memastikan hukum-hukum Islam sentiasa berkembang<br>• Keputusan yang dikeluarkan menepati kehendak syarak<br>• *Memastikan setiap keputusan yang dilakukan diterima dn sesuai keadaan* | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 

| No Soalan | Skema Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (b) (i) | **Empat** perkara yang merosakkan ibadat.<br>• Murtad/ syirik/ munafik<br>• Takbur<br>• Riak<br>• Ujub<br>• Sum'ah<br>• Mengungkit-ungkit<br>• Aza | 4 isi x 1m<br><br>[4 markah] |
| (ii) | **Dua** kesan pelaksanaan ibadat tanpa syariat.<br>• Amalan tersebut tidak diterima oleh Allah/ ditolak (1m) kerana tidak mengikut *syarat sah/ rukun (1m)*<br>• Akan merosakkan ibadat / tidak mendapat sebarang pahala/amalan sia-sia (1m) kerana mematuhi syarat beribadah (1m)<br>• Merosakkan iman (1m) kerana bertentangan dengan syariat Islam (1m)<br>• Tidak mendapat keredaan Allah SWT/ mendapat kemurkaan Allah (1m) kerana bercanggah dengan agama (1m) | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| (c) | **Dua** ciri keunggulan perundangan Islam ialah<br>- Kekal hingga ke hari akhirat (1m) seperti ibadat puasa tetap kekal wajibnya hingga akhirat.(1m)<br>- Memelihara keselamatan masyarakat dan negara (1m) kerana dapat mencegah semua perkara yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat.(1m)<br>- Hukuman bersifat adil (1m) tanpa mengira kedudukan dan pangkat.(1m)<br>- Mendidik jiwa manusia (1m) supaya terdidik mentaati Allah.(1m) | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| 6 (a) (i) | Maksud jati diri ummah ialah memiliki daya kreativiti, inovatif dan produktif *dalam melaksanakan pekerjaan.* | 1 isi x 2m<br>[2 markah] |
| (ii) | . Dua cara untuk meningkatkan jati diri di kalangan para pelajar ialah:-<br>• Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang.<br>• Membuat perancangan dan matlamat yang jelas dan kemas.<br>• Menyediakan kemudahan ICT dengan sempurna dan mencukupi.<br>• Menggalakkan para pelajar *sentiasa mencuba sesuatu yang baru* untuk mengembangkan bakat dan kemahiran.<br>• Memberi motivasi kepada semua golongan pelajar berbentuk ceramah atau ganjaran. | 4 isi x 1m<br><br>[4 markah] |
| (b) (i) | Dua ciri penyelesaian masalah secara Islam ialah;<br>• Penyelesaian dilakukan secara menyeluruh.<br>• Dilakukan secara bersungguh-sungguh.<br>• Merujuk kepada orang yang berilmu.<br>• Menepati kehendak Islam/syarak | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |
| (ii) | Dua kelebihan penyelesaian masalah menurut Islam ialah<br>• Meneguhkan keimanan dan ketakwaan<br>• Memperkukuhkan keperibadian muslim<br>• Mewujudkan perpaduan dan persaudaraan ummah<br>• Mewujudkan semangat juang dan bermotivasi<br>• Tiada lagi perasaan dendam dan iri hati.<br>• Masyarakat akan hidup dengan berkasih sayang dan hormatmenghormati. | 2 isi x 2m<br><br>[4 markah] |

| No Soalan | Skema Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| | • Tiada lagi ancaman jenayah dalam masyarakat.<br>• Segala masalah dapat diselesaikan dengan cara yang baik dan adil<br>• Reda dengan ketentuan Allah SWT ke atas dirinya.<br>• Sentiasa optimis dan yakin dengan diri sendiri. | |
| (c) | Tiga pandagn saya remaja begitu leka dan asyik dengan hiburan ialah kerana:<br>• Akidah yang lemah(1m) kerana tidak mendalami ilmu agama. (1m)<br>• Kurang penghayatan agama(1m) karana tidak peduli terhadap agama.<br>• Terpengaruh dengan budaya Barat(1m) sejak di bangku sekolah.(1m)<br>• Pengaruh rakan / masyarakat sekeliling(1m) yg terlalu bebas. (1m)<br>• Terpengaruh dengan media massa(1m) yg terlalu mementingkan hiburan<br>• Kurang perhatian dari keluarga/masyarakat(1m) kerana sebok bekerja. | 3 isi x 2m<br>[6 markah] |
| 7 (a) (i) | Maksud hukum haram<br>• Larangan Allah yang mesti ditinggalkan, jika ditinggalkan mendapat ganjaran pahala dan syurga tetapi jika dilakukan mendapat balasan dosa dan azab neraka.<br><br>Catatan : Tiada 1 markah | 1 isi x 2m<br>[2 markah] |
| (ii) | **Dua** cara mengelakkan melakukan perkara haram<br>• Mendalami ajaran agama (1m) supaya dapat mengetahui perkara yang diharamkan oleh Islam. (1m)<br>• Menanam perasaan benci kepada perkara haram (1m) kerana ingin mendapatkan keredaan Allah SWT (1m)<br>• Bergaul dengan ulamak /orang soleh (1m) supaya dapat menambahkan ilmu (1m)<br>• Menjauhkan daripada tempat maksiat/ orang yang selalu melakukan maksiat (1m) supaya *akhlak terpelihara (1m)*<br>• Menunaikan solat/ibadat dengan sempurna (1m) untuk mencegah kemungkaran (1m) | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| 7 (b) | **Dua** punca berlakunya keruntuhan institusi perkahwinan.<br>• Suami /isteri mengabaikan tugas / tanggungjawab (1m) dalam keluarga (1m)<br>• Suami malas berusaha/ tidak bekerja (1m) untuk memenuhi keperluan keluarga/ hidup (1m)<br>• Suami/isteri gagal bertolak ansur/ bersikap ego/ mementingkan diri sendiri (1m) apabila berlaku sesuatu masalah/ pertengkaran (1m)<br>• Campurtangan daripada sebelah keluarga suami/isteri (1m) apabila berlaku perselisihan faham/ pergaduhan/ pertengkaran (1m)<br>• Kurang pendidikan dan penghayatan agama (1m) dalam diri suami/isteri tersebut (1m) | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |
| (c) (i) | Dua jenis muamalah serta maksudnya ialah:-<br>* Al-ijarah (sewa menyewa) (1m) orang yang memberi sewa dapat membantu penyewa yang memerlukan rumah / kenderaan dan lain-lain.(1m)<br>* Al-Bai' (jual beli) (1m) Penjual dan pembeli saling memperolehi keuntungan / barangan yang diperlukan.(1m)<br>* Al-Rahn (pajak gadai) (1m) pemegang gadai dapat membantu orang yang menggadai yang menghadapi masalah kewangan.(1m)<br><br>• Lain2 jenis muamalah... al-Mudharabah, al-Musyarakah, al-Baie dan lain-lain. | 2 isi x 2m<br>[4 markah] |

 © 2010 *Hakcipta JPN Perak* 